

Ruj. MQA : MQA.600-2/1/6 Jld. 147 (24)
Tarikh : 4 Oktober 2021

Ketua Eksekutif
Kolej Universiti Selatan
PTD 64888, 15KM, Jalan Skudai
P.O. Box 76, 81300 Skudai
JOHOR

Tuan,

**PERAKUAN AKREDITASI SEMENTARA BAGI PROGRAM
NAMA DIMOHON: 'MASTER OF SCIENCE (COMPUTER SCIENCE)' (MQA/PA 15100)
NAMA DIPERAKUKAN: 'MASTER OF SCIENCE IN COMPUTER SCIENCE'
(MQA/PA 15100)**

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Akreditasi, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) yang bermesyuarat pada **28 September 2021** telah menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program tersebut di atas.

3. Selaras dengan Seksyen 39 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, MQA telah memutuskan untuk **memberi Perakuan Akreditasi Sementara** selama **lima tahun bermula dari tarikh surat ini**.

4. Permohonan Akreditasi Penuh hendaklah dikemukakan kepada MQA selepas kohort pertama pelajar menjalani *viva voce*. Kegagalan mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan boleh memberi kesan kepada tarikh mula Akreditasi program.

5. Sebarang maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh diperolehi dengan menghubungi **Puan Aifa Hazwani Ariffin, Bahagian Akreditasi (Sains Sosial)** di talian **03-8688 3652** atau e-mel: aifa@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

BA(1)/AHA/AAB

No semakan: 00(L22PK02)
Tarikh kuat kuasa: 1 Januari 2021